

Malaysia terus tidak memihak ke mana2 blok — PM

MM 26 OCT 1986



KUALA LUMPUR 25 Okt. — Malaysia akan terus berpegang kepada pendiriannya yang tidak memihak ke mana-mana blok meskipun ada pihak telah cuba menyusahkannya kerana meneruskan dasar ini, tegas Perdana Menteri hari ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata: "Kita sedar bahawa teguran kita yang tidak memihak ke mana-mana telah menyebabkan kita tidak begitu disukai.

"Kita tidak menaruh prasangka buruk terhadap sesiapa — tidak juga mereka yang telah secara terang-terang atau bersembunyi

cuba menggugat kestabilan politik dan ekonomi kita."

Berucap merasmikan sambutan ulangtahun ke-41. Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu (PBB) di Angkasapuri hari ini, Perdana Menteri berkata Malaysia juga sedar bahawa cara ia mengkritik kuasa - kuasa besar telah membawa kesan yang negatif kerana pihak - pihak ini sekarang berusaha supaya keadaan kita menjadi lebih susah.

Namun begitu, tegasnya, Malaysia tidak akan tunduk kepada sesiapa sungguhpun mereka cuba menggugat kestabilan politik dan ekonomi kita.

Perdana Menteri mene-

gaskan, Malaysia tidak mahu menjadi anggota mana-mana kumpulan atau blok.

Beliau menarik perhatian, Malaysia tidak memihak kepada sesiapa sekalipun dengan Pertubuhan Negara-Negara Berkecuali.

Malaysia akan menegur dan mengutuk Pertubuhan Negara-Negara Berkecuali atau mana-mana anggota atau kumpulannya sebagai mana ia lakukan terhadap negara-negara blok barat atau timur.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menarik perhatian bagaimana sikap berpuak - puak di dalam PBB sendiri telah mewujudkan fenomena berpecah mengikut kem di mana ia mendorong ke arah kegagalan berkomunikasi di antara satu sama lain kerana tidak ada titik tolak yang menuju ke meja perundingan.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia tidak senang dengan sikap ini dan tidak berhasrat untuk menyertai mana-mana kem atau blok yang ada sekarang.

"Kita tidak mahu melihat dunia ini berpecah dua kepada kem yang menolak langsung peluang - peluang untuk duduk berunding dan bersepakat.

LIHAT MUKA 11

Tidak memihak mana2 blok

"Tah. ini, dunia menyambut pengisytiharan Tahun Keamanan Antara-bangsa tetapi kita akan mentertawakan perayaan keamanan ini kerana pada masa yang sama peperangan meletus di merata tempat.

"Bagaimana kita hendak bercakap tentang keamanan bila negara-negara besar membelanjakan berjuta - juta ringgit untuk senjata - senjata moden. Bagaimanakah hendak kita bercakap soal keamanan jikalau

berjuta lagi manusia mati kerana kelaparan?" Perdana Menteri bertanya.

Beliau menyebut, adalah perlu bagi anggota - anggota PBB mengingatkan diri masing - masing mengenai keamanan dunia, kerana semakin hari, semua pemimpin telah melupakan peranan asal PBB untuk mengekalkan keamanan.

Tambah beliau, dari satu sudut PBB telah berjaya menyelesaikan konflik atau mengurangkannya tetapi bila semua orang telah mu-

lakan peranan PBB, masalah ini berterusan dan ia mengingatkan semua orang tentang soal kegagalannya.

Masalah pelarian Palestin, perebutan kuasa di Kampuchea, Afghanistan, peperangan Iran - Iraq dan konflik di Amerika Tengah, semuanya mengingatkan para anggota PBB tentang kegagalannya.

Kata Datuk Sri Dr. Mahathir lagi, bagi kuasa-kuasa besar, mereka mungkin memikirkan PBB adalah terlalu berkuasa sehingga ia mengeneipkan kepentingan asalnya dan gagal mengekalkan keamanan dunia.

Tegasnya, kuasa-kuasa besar merasakan mereka dapat menyelesaikan masalah dengan cara mereka sendiri tetapi ini hanya akan membawa kepada perang dunia ketiga dan sekiranya ini berlaku, PBB tidak akan berkuasa untuk menghalangnya.

Perdana Menteri mengingatkan, kalau anggota - anggota PBB mula mengeneipkan tanggungjawab dan penglibatan mereka secara aktif, tidak ada apa-apa lagi yang PBB dapat lakukan untuk mengekalkan keamanan.

Jika ini terjadi, PBB tidak boleh dipersalahkan tetapi, anggota - anggotanya yang patut menanggung akibat buruk dari kegagalannya.

Mengenai pemotongan bantuan PBB yang dikuatkuasakan baru-baru ini, Perdana Menteri berkata, negara-negara miskin tidak wajar menjadi mangsa kepada pengurangan bantuan ini.